



MODUL PINTAS TINGKATAN 5

Peperiksaan Percubaan Tahun 2019

Skema Jawapan Bahasa Melayu

Kertas 2 1103/2

SULIT

PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2019
1103/2(PP)
BAHASA MELAYU
Kertas 2
Peraturan Pemarkahan
Ogos

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi **15** halaman bercetak.

Soalan 1

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20 markah**
 (b) Bahasa - **10 markah**

(a) **Isi** [20 markah]

Nota

- (i) Panduan mengira perkataan
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata depan *di* dan *ke*
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	16	
(iv)Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	09 - 10 07 - 09	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 08 - 11	06 - 07 04 - 06	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	01 - 07	01 - 04	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang **120** perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah Bahasa, **Maksimum: 10 markah**]

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan

P1	Petikan membincangkan tanggungjawab/ usaha/ tugas sekolah dalam memupuk perpaduan antara kaum di negara kita/ Malaysia	2m
P2	Petikan membincangkan tanggungjawab/ usaha/ tugas sekolah dalam memupuk perpaduan antara kaum dan kepentingan perpaduan dalam sesebuah negara.	2m
P3	Rumusan membincangkan tanggungjawab/ usaha/ tugas sekolah dalam memupuk perpaduan antara kaum dan kekangan mewujudkan perpaduan antara kaum.	2m

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

S1	Sekolah perlu menerapkan sikap berbangga menjadi warganegara Malaysia dalam jiwa pelajar	2m
S2	Sekolah juga berperanan dalam memupuk semangat muhibah dan semangat toleransi antara kaum	2m
S3	Setiap subjek yang diajarkan di sekolah juga harus menitikberatkan aspek pendidikan yang harmonis	2m
S4	Nilai-nilai rohani dan budaya kebersamaan perlu diberikan keutamaan dalam setiap subjek	2m
S5	Bahasa kebangsaan digunakan secara meluas	2m
S6	Pelaksanaan Sekolah Wawasan	2m
S7	Pelajar dan guru dapat mewujudkan hubungan komunikasi yang baik	2m
S8	Pihak sekolah juga boleh menerapkan perpaduan melalui aktiviti kokurikulum di sekolah	2m

Isi Tersirat – (Kesan) [4 hingga 12 markah]

T1	Perbezaan agama dan kepercayaan	2m
T2	Perbezaan bahasa dan budaya	2m
T3	Kesan penjajahan British / pengamalan pecah dan perintah	2m
T4	Aktiviti ekonomi yang berbeza	2m
T5	Kewujudan sekolah jenis kebangsaan	2m
T6	Kewujudan persatuan politik megikut kaum	2m
T7	Kesan pendudukan Jepun	2m

Kesimpulan

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah menyokong usaha pihak sekolah dalam mewujudkan perpaduan dalam kalangan murid supaya rakyat dapat hidup dalam keadaan yang harmoni.

- 2m

Soalan 2: Pemahaman
[35 markah]

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : **9** markah
Soalan 2 (b) : **9** markah
Soalan 2 (c) : **8** markah
Soalan 2 (d) : **9** markah

Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/semurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan **seperuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/ kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis	0

Soalan 2(a) – Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai kata *mengasah kemahiran* memupuk/ meningkatkan/ mengembangkan bakat/kebolehan/kecekapan [2 markah]
- (ii) Dalam petikan, pengarang menjelaskan beberapa kepentingan perpaduan dalam sesebuah negara. Nyatakan kepentingan-kepentingan tersebut.

P1- mengekalkan keharmonian dan keamanan negara

P2- Negara yang mengamalkan perpaduan ternyata mampu mencapai kemajuan

P3- membina peradaban dengan lebih gemilang di puncak jaya

[3 markah]
[isi cukup: 2 isi]

- (iii) Ibu bapa berperanan penting dalam memupuk perpaduan antara kaum kepada generasi muda. Apakah usaha-usaha yang boleh diambil oleh ibu bapa untuk memupuk perpaduan antara kaum kepada generasi muda?

P1- Ibu bapa mendedah/ mendidik anak-anak supaya bergaul dengan rakan pelbagai kaum

P2 - Ibu bapa mendedah/ mendidik anak-anak tentang Rukun Negara/ Sejarah Malaysia

P2- Ibu bapa menjadi suri teladan.

P3- Ibu bapa menghantar anak ke sekolah kebangsaan.

P4- Ibu bapa membawa anak-anak menyertai aktiviti kemasyarakatan/ aktiviti sosial

P5- Ibu mengadakan/ menghadiri majlis rumah terbuka

P6- Ibu bapa memarakkan budaya ziarah-menziarahi ke rumah kenalan pelbagai kaum

[4 markah]
[isi cukup: 3 isi]

Soalan 2(b) - Petikan Prosa Moden - Cerpen

- (i) Sebab kota besar sudah hilang nilai tradisi
- P1 sarat dengan api prasangka [1 markah]
- P2 runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa [1 markah]
- P3 bercampur aduk pula bahasa dan pertuturannya [1 markah]
- P4 manusia dipisahkan oleh benten-benteng ketaksuban dan kepentingan diri masing-masing [1 markah]

[maksimum: 2 markah]
[isi cukup: 2 isi]

- (ii) Aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk memupuk perpaduan

P1 pembahagian murid dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum

P2 penyertaan murid dalam aktiviti sukan sekolah

P3 aktiviti gotong-royong

P4 sambutan perayaan pelbagai kaum

P5 guru melibatkan pelajar pelbagai kaum dalam aktiviti PdPc

[maksimum: 3 markah]
[isi cukup: 2 isi]

(iii) Satu persoalan yang terdapat dalam petikan

- P1 - Persoalan kepentingan mengekalkan warisan budaya dan jati diri
Contohnya, ibu Mel mengingatkan Mel supaya tidak melupakan agama dan bahasa kerana hanya itulah warisan yang masih ada. [1+ 1]
- P2 - Persoalan peranan penjajah dalam usaha memecahbelahkan rakyat sesebuah negara
Contohnya, pihak penjajah telah menjalankan sistem pecah dan perintah agar agihan Kekayaan negara tidak berlaku secara adil hingga menimbulkan rusuhan kaum. [1+ 1]

Satu persoalan daripada keseluruhan cerpen

- P1 - Persoalan keinginan anak muda berhijrah ke bandar untuk membina kehidupan
Contohnya, Mel memohon keizinan ibunya untuk berhijrah ke bandar bagi membina kehidupannya seperti kebanyakan remaja lain. [1+ 1]
- P2 - Persoalan kegigihan anak muda untuk mempelajari segala ilmu untuk meneruskan kehidupan.
Contohnya, Mel tekun belajar pelbagai ilmu yang berkaitan dengan kehidupan sebelum berhijrah ke bandar. [1+ 1]
- P3 - Persoalan ketaatan seorang anak terhadap nasihat ibu
Mel mentaati nasihat ibunya yang tidak membenarkannya berhijrah kerana pada pendapat ibunya Mel masih belum cukup jati diri untuk tinggal di bandar. [1+ 1]
- P4 - Persoalan kebimbangan seorang ibu terhadap anaknya.
Contohnya, ibu keberatan untuk melepaskan Mel ke bandar kerana bimbang Mel terpengaruh akan budaya negatif yang telah menular dalam kalangan remaja di bandar. [1+ 1]

[maksimum: 4 *markah*]
[isi cukup: 2 isi]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional

- (i) Maksud *segala perihal ehwal*
- | | |
|---|----|
| -semua/sekelian/seluruh/segenap keadaan/peristiwa/hal | 2m |
| -segala keadaan/peristiwa/hal | 1m |
| -semua/sekelian/seluruh/segenap perihal | 1m |
- (ii) Tindakan yang dilakukan oleh Sultan Muzaffar Syah
- | | |
|--|--|
| P1 - memberi persalin akan Bendahara Paduka Raja | |
| P2 - memberi pakaian yang mulia-mulia | |
| P3 - memberi persalin akan hulubalang | |
- [maksimum: 3 *markah*]
[isi cukup: 2 isi]
- (iii) Tindakan pemimpin untuk mengelakkan peperangan
- | | |
|---|--|
| P1 - melalui perundingan untuk menyelesaikan konflik | |
| P2 - perjanjian damai/gencatan senjata | |
| P3 - saling bertolak ansur | |
| P4 - mengelakkan isu-isu sensitif dipersoalkan seperti agama, bahasa dan institusi pemerintahan | |
- [maksimum: 3 *markah*]
[isi cukup: 2 isi]

Soalan 2 (d) – Puisi Moden

- (i) Apakah nasihat penyajak kepada pembaca dalam rangkap ke lapan?
- | | |
|-------------------------------|--|
| P1- tidak mensia-siakan hidup | |
| P2- mendekati Tuhan | |
- [2 *markah*]
- (ii) Pada zaman globalisasi, peranti elektronik semakin meluas seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Pada pendapat anda, apakah cabaran yang dihadapi oleh masyarakat dalam mendepani era globalisasi.
- | | |
|--|--|
| P1- Fitnah/ berita palsu berleluasa | |
| P2- Jenayah siber/ Buli siber/ Penipuan | |
| P3- Pengaruh barat | |
| P4- Pengaruh hedonisme | |
| P5- Meningkatkan masalah sosial | |
| P6- Pencemaran bahasa/ bahasa rojak/ bahasa slanga | |
- [3 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas.

P1- Kita mestilah insaf apabila melakukan kesalahan agar tidak terus terpedaya
Penyajak cepat insaf akan kesalahannya dan tidak akan mengulangi kesilapannya yang lalu [1+ 1]

P2- Kita mestilah berani dalam menempuh cabaran agar dapat mempersiapkan dirinya untuk
kehidupan mendatang.
Penyajak berani menghadapi rintangan yang memburuk-burukkannya. [1+ 1]

P3- Kita mestilah rasional dalam membuat keputusan supaya kehidupan tidak tersasar .
Penyajak rasional dalam menentukan pendekatan yang terbaik bagi menangani sesuatu masalah. [1+ 1]

P4- Kita mestilah berhati-hati dalam kehidupan supaya tidak mudah diperdaya
Penyajak berhati-hati daripada dirinya dipermain-mainkan. [1+ 1]

[4 markah]

Soalan 3

[30 markah]

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

Soalan 3(a)

Bil	Perkataan	Maksud kata
(i)	urat	Penjodoh bilangan untuk benda-benda yang halus dan panjang seperti rambut, benang dan dawai
(ii)	hiris	Penjodoh bilangan untuk benda-benda yang dipotong dengan kecil-kecil seperti bawang, timun, daging, buah-buahan.
(iii)	carik	Penjodoh bilangan untuk benda-benda yang dikoyakkan seperti kertas, kain
(iv)	kepal	Penjodoh bilangan untuk benda-benda yang dikepal dengan tangan seperti nasi, pulut, tanah
(v)	berkas	Penjodoh bilangan untuk benda-benda yang diikat bersama-sama seperti kunci, lidi, kayu
(vi)	tongkol	Penjodoh bilangan untuk buah yang bertongkol seperti jagung

[6 markah]

Soalan 3(b)

Bil	Jawapan Contoh
(i)	<i>Bilakah Kamal pergi ke Johor Bahru? Kamal pergi ke Johor Bahru, bila?</i>
(ii)	<i>Siapakah pengurus besar di Syarikat Maju Teras? Pengurus besar di Syarikat Maju Teras, siapa?</i>
(iii)	<i>Mengapakah Sumathi disambut dengan meriah setibanya di sekolah? Sumathi disambut dengan meriah setibanya di sekolah, mengapa?</i>
(iv)	<i>Di manakah pameran batik itu diadakan? Pameran batik diadakan di mana?</i>
(v)	<i>Apakah alat yang digunakan dalam Pembelajaran dan Pembelajaran Abad ke-21? Alat yang digunakan dalam Pembelajaran dan Pembelajaran Abad ke-21, apa?</i>
(vi)	<i>Bagaimanakah bangunan bersejarah itu dibina? Bangunan bersejarah itu dibina, bagaimana?</i>

[6 markah]

Soalan 3(c)

Bil	Kesalahan ejaan	Pembetulan	Kesalahan Imbuhan	Pembetulan
(i)	<i>urussetia</i>	<i>urus setia</i>	<i>mengharung</i>	<i>mengharungi</i>
(ii)	<i>distinasi</i>	<i>destinasi</i>	<i>berpimpin</i>	<i>dipimpin</i>
(iii)	<i>pelangan</i>	<i>pelanggan</i>	<i>jualan</i>	<i>penjual</i>

[6 markah]

Soalan 3(d)

Bil	Kesalahan penggunaan kata atau istilah	Pembetulan	Kesalahan tatabahasa	Pembetulan
(i)	<i>meninggi</i>	<i>meningkat</i>	<i>terhadap</i>	<i>untuk, demi</i>
(ii)	<i>negara tengah timur</i>	<i>negara timur tengah</i>	<i>di antara</i>	<i>antara</i>
(iii)	<i>keseronokan</i>	<i>keinginan</i>	<i>di</i>	<i>pada</i>

[6 markah]

Soalan 3(e)

Bil	Maksud Peribahasa	Peribahasa
(i)	<i>Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua</i>	<i>- Orang yang bermuafakat akan tetap setia antara satu dengan yang lain (jika seorang mendapat kesusahan, yang lain turut sama merasakannya).</i>
(ii)	<i>Di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung</i>	<i>Perlu mengikut adat dan kepercayaan tempat kita berada pada masa itu.</i>
(iii)	<i>Sediakan payung sebelum hujan.</i>	<i>- Hendaklah bersiap sedia dan beringat-ingat sebelum mendapat kesusahan.</i>

[6 markah]

Soalan 4 : Novel
[15 *markah*]

Panduan pemarkahan:**Soalan 4(a)**

1. Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
3. Beri 1 markah bagi setiap **latar tempat** yang betul.
4. Beri 1 markah bagi **huraian / contoh** yang lengkap dan jelas.
5. Markah isi maksimum 4 markah.
6. Markah bahasa maksimum 3 markah.
7. Markah bahasa diberikan secara *impression*

Baik	- 3 m
Sederhana	- 2 m
Lemah	- 1 m
8. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa

4(a) Sinopsis**NOVEL TIRANI****Permulaan**

Pengarang memperkenalkan watak waheeda melayari laman sesawang yang berkaitan dengan perihal kecantikan wajah dan pembedahan plastik pada wajah.

Keinginan Waheeda untuk melakukan pembedahan plastik pada wajahnya yang bertujuan memperbaiki, memulih serta menjaga kekemasan diri

[maksimum: 1 *markah*]
[isi cukup: 1 isi]

Perkembangan

Waheeda telah dcederakan oleh seekor monyet Belanda pada wajah dan hidungnya hingga menyebabkan Waheeda dikejarkan ke hospital oleh Fadhil sambil ditemani ibunya Raidah.

Waheeda bertemu dengan doktor pakar di Silicon Medical Centre (SMC) bagi menguruskan proses pembedahan mata dan hidungnya.

Waheeda mendapat tawaran kerja di Flamingo de La Rossa sebagai Pegawai Perhubungan Awam. Waheeda berkenalan pertama kali dengan Zahid di Flamingo.

[maksimum: 1 *markah*]
[isi cukup: 1 isi]

Klimaks

Zahid bertindak nekad dengan menceraikan isterinya Waheeda dengan talak satu kerana sikap cemburu dan sikap curiganya yang terlampau.

Waheeda mengalami masalah kemurungan dan mengalami masalah meroyan akibat tindakan suaminya yang kejam dan kerana dia terlalu mencintai suaminya itu.

[maksimum: 1 *markah*]
[isi cukup: 1 isi]

Peleraian

Ghazi dan Raidah menemani Waheeda bagi mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) Kuala Lumpur.

Waheeda dan Ghazi seterusnya mengusahakan chalet Iwana-Iwani milik Pakcik Abdul Aziz yang terletak di Cameroon Highlands dengan menukar nama kepada Aya-Sajinah.

Zahid menyesal dengan tindakannya menceraikan Waheeda dan meninggalkan anaknya Izzati. Zahid meluahkan penyesalannya atas kesalahannya terhadap Waheeda dan Izzati. Izzati memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan ayah kandungnya.

[maksimum: 1 *markah*]
[isi cukup: 1 isi]

*****Terima isi-isi lain yang relevan****Nota Penting**

Isi - 4m
Bahasa - 3m
Jumlah -7m

NOVEL LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA**Permulaan**

Pengarang menceritakan kehidupan Leftenan Adnan semasa kecil yang membesar bawah jagaan bapanya Pak Saidi dan Mak Milah.

Adnan mendapat pendidikan awal di sekolah Inggeris di pekan Sungai Ramal sebelum memasuki kem tentera di Port Dickson untuk melayakkannya menjadi askar Melayu.

Dalam bahagian permulaan, Adnan digambarkan sebagai seorang anak muda yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan dalam dirinya. Dia mempunyai keberanian yang jarang-jarang terdapat pada orang yang seusia dengannya. Dia berkahwin dengan Sophia dan mendapat tiga orang anak sebelum Perang Dunia Kedua.

[maksimum: 1 *markah*]
[isi cukup: 1 isi]

Perkembangan

Dalam perkembangan cerita, peristiwa tertumpu pada suasana kehidupan penduduk di Kampung Sungai Ramal, Kajang yang hidup dalam serba kemiskinan. Kemiskinan penduduk kampung telah memberikan kesedaran kepada ayah Adnan, iaitu Pak Saidi untuk mengubah nasib bangsanya.

Pak Saidi berpendapat bahawa anak-anak perlu diberikan didikan yang sempurna agar mereka lebih berpendidikan dan akhirnya mampu membawa perubahan kepada keluarga, bangsa, dan negara.

Pak Saidi diceritakan telah mengambil suatu tindakan yang luar biasa. Pak Saidi telah menghantar anaknya belajar di Sekolah Inggeris.

Penduduk kampung kluatir anak Pak Saidi akan dikristiankan atau menjadi murtad. Hal ini mengundang rasa kurang senang penduduk kampung. Mereka ingin menghalau Pak Saidi sekeluarga dari kampung jika dia meneruskan cita-cita tersebut. Namun Pak Saidi tidak berganjak daripada keputusan yang telah dibuatnya.

[maksimum: 1 *markah*]
[isi cukup: 1 isi]

Klimaks

Pertahanan di Bukit Candu semakin meruncing kerana askar Melayu terus diasak oleh tentera Jepun. Askar Melayu terus berjuang dan tidak menyerah kalah. Ketika itu peluru hampir habis dan banyak askar Melayu terkorban sedangkan tentera Jepun semakin ramai menghampiri Bukit Candu.

Semua askar Melayu terkorban dan Leftenan Adanan turut tercedera. Tentera Jepun telah berjaya menawan Leftenan Adnan lalu diserkup dengan guni.

Tentera Jepun kemudiannya telah menggantungkan Leftenan Adnan yang cedera parah itu pada dahan pokok ceri lalu ditikam bertubi-tubi oleh setiap tentera Jepun dengan bayonet sehingga mayatnya hancur.

[maksimum: 1 *markah*]

[isi cukup: 1 isi]

Peleraian

Pada 15 Ogos 1945 Jepun telah menyerah kalah dengan pengeboman Hiroshima dan Nagasaki.

Sophia membesarkan anak-anaknya dengan mengerjakan sawah dan memotong getah sebelum berkhidmat semula sebagai guru di sekolah Sungai Ramal.

Akhirnya Sophia berkahwin dengan Ustaz Ridwan dan berpindah ke Melaka. Sophia meninggal dunia akibat penyakit leukimia.

[maksimum: 1 *markah*]

[isi cukup: 1 isi]

*Terima isi-isi lain yang relevan

Nota Penting

Isi - 4m

Bahasa - 3m

Jumlah -7m

Soalan 4(b)

- 1) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari di tingkatan empat dan di tingkatan lima.
- 2) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- 3) Beri 1 markah bagi setiap **pernyataan tentang kepincangan masyarakat**.
- 4) Beri 2 markah bagi setiap **huraian peristiwa** yang betul untuk setiap pernyataan.
- 5) Markah isi maksimum 6 (maksimum 3 markah bagi setiap isi).
- 6) Markah bahasa maksimum 2.
- 7) Markah bahasa diberi secara *impression*
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- 8) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- 9) Calon tidak menjawab 0 markah.

4(b) Persoalan Tanggungjawab**NOVEL TIRANI****Persoalan tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak**

- Raidah dan Hj Fathir selaku ibu dan bapa Waheeda tidak bersetuju memberi keizinan kepada Waheeda untuk menjalani pembedahan kosmetik pada mulanya kerana ianya bertentangan dengan hukum agama. Sebagai ibu dan bapa mereka bertanggung jawab ke atas Waheeda.
- Waheeda bertanggung jawab sepenuhnya mendidik Izzati seorang diri setelah dia diceraikan dan ditinggalkan oleh Zahid suaminya. Waheeda berjaya mendidik Izzati menjadi seorang anak yang baik.

Persoalan tanggungjawab majikan kepada pekerja

- Keluarga Waheeda yang menjalankan perniagaan inap desa sangat mesra dengan pekerja yang bekerja di chalet mereka. Mereka melayan pekerja dengan baik dan mesra. Fatimah, Babu Saiyidah, Liya dan Nani memberi kerjasama yang baik kepada majikan mereka.

Persoalan tanggungjawab mempertahankan warisan budaya bangsa

- Satu daripada keistimewaan homestay milik keluarga Waheedai adalah untuk menyediakan makanan asli masyarakat Dayak Sarawak seperti pansuh ayam dan bubur pedas, pansuh manok dan udang galah gulai tempoyak iaitu masakan asli Sarawak.
- Selain makanan dan tempat tinggal, pengurusan homestay Waheeda menyediakan pengalaman pergi ke dusun buah-buahan di Matang dan juga pengalaman urutan kaki di kolam ikan kap.
- Selain itu, pelancong juga diberi penerangan tentang sejarah tempatan di situ

***Terima jawapan lain yang relevan**

NOVEL LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Persoalan tanggungjawab seorang bapa dalam memberikan pendidikan yang sempurna demi masa hadapan anak-anak.

- Pak Saidi sanggup berdepan dengan pelbagai cabaran demi untuk mnyekolahkan Adnan dan dua orang lagi adiknya di sekolah Inggeris. Pak Saidi tidak menghiraukan pandangan serong masyarakat terhadapnya demi memastikan anak-anaknya mendapat pendidikan yang baik.

Persoalan tanggungjawab seorang ketua keluarga

- Pak Saidi membuat pelbagai pekerjaan termasuklah bersawah padi dan berkebun demi menyara kehidupannya bersama isteri dan anak-anak. Hasil usahanya itu jugalah digunakan untuk menyekolahkan Adnan dan adik-adiknya yang lain.
- Pak Saidi sendiri mengajar anaknya mengaji serta belajar silat
- Adnan bertindak menghantar Sophia dan anaknya pulang ke kampung setelah mendapat perkhabaran tentang kemasukan tentera Jepun demi menjaga keselamatan mereka.

Persoalan tanggungjawab berbakti kepada negara

- Leftenan Adnan berjuang bermati-matian demi mempertahankan negara dari penjajah sehinggalah ke titisan darahnya yang terakhir.

***Terima jawapan lain yang relevan**

Pernyataan: 1 *markah*

Huraian: 2 *markah*

Isi- 6 *markah*

Bahasa- 2 *markah*

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT